



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


26 JANUARI 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 335 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 246,412 kes. Sebanyak tiga (3) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu masing-masing satu (1) kes di daerah Kota Belud, Ranau dan Keningau. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembah ialah 198 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 238,385 orang. Manakala 682 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 321 orang di hospital, 321 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan 11 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 19 orang merangkumi 17 di ICU/repurposed kritikal care serta dua (2) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan enam (6) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage empat* (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 11 (18.33%).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Sipitang berubah dari zon merah ke zon jingga.

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning lapan (8) daerah.
- Zon Jingga tiga (3) daerah.
- Zon Merah 16 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Tiga (3) lagi kluster baru muncul untuk menambah jumlah kes harian di Sabah. Kelmarin jumlah kes harian melambung tinggi dengan 314 kes dan hari ini bertambah 21 kes lagi kepada 335 kes.
- b. Antara penyumbang utama kes hari ini ialah kluster baru ‘institusi pendidikan’ Jalan Teritipan, Kota Marudu yang melaporkan 38 kes baru (jumlah kumulatif 44). Kota Marudu juga merupakan daerah yang merekodkan kes baharu yang tertinggi di Sabah hari ini dengan 64 kes. Selain daripada Kota Marudu, 10 daerah lain mencatat kes baharu dua (2) angka, antaranya Penampang 41 kes (+25), Tuaran 40 kes (+7), Kota Kinabalu 40 kes (-21), Sandakan 34 kes (-34) dan Ranau 22 kes (+15).
- c. Laporan awal JKNS yang sedang melakukan saringan kontak rapat di kalangan penghuni-penghuni asrama sekolah di enam (6) buah sekolah / institusi pendidikan menunjuk ke arah kemungkinan bahawa lebih banyak kluster yang melibatkan institusi pendidikan (sekolah) akan muncul. Kedudukan muktamad akan diketahui dalam satu dua hari akan datang.
- d. Hari ini tiga (3) kluster baharu diisyiharkan. Kluster Jalan Teritipan, Kota Marudu melibatkan pelajar tingkatan empat (indeks kes) SMK Tandek 2 yang disahkan positif melalui saringan PCR pada 23 Januari 2022. Saringan dikalangan kontak rapat mendapati 37 orang lagi telah dijangkiti. Semua mereka yang bergejala ringan (Kategori 1 dan 2) adalah pelajar-pelajar SMK Tandek 2 dan telah diasingkan untuk rawatan yang sewajarnya.
- e. Kluster Jalan Binunuk, Beaufort (tempat kerja) melibatkan kakitangan RISDA Beaufort, seorang wanita berumur 34 tahun (indeks kes) yang disahkan positif pada 22 Januari 2022. Saringan keatas kontak rapat dikalangan rakan sekerja dan ahli keluarga indeks kes mendapati 13 orang lagi telah dijangkiti. Jangkitan dipercayai berpunca daripada mesyuarat yang melibatkan jumlah yang ramai dalam satu fasiliti yang sama.

- f. Satu (1) lagi kluster tempat kerja di daerah Beaufort-Kuala Penyu (Kluster Montenior) melibatkan petugas kesihatan wanita berumur 37 tahun (indeks kes) yang tinggal di Kuala Penyu. Indeks kes disahkan positif pada 12 Januari 2022 dan saringan yang dibuat seterusnya dikalangan kontak rapat mendapati 24 orang daripada kontak generasi pertama, 17 orang daripada kontak generasi kedua dan dua (2) orang kontak generasi ketiga juga telah dijangkiti. Mereka adalah terdiri daripada rakan sekerja indeks kes dan ahli keluarga kakitangan kesihatan. Semua yang terlibat telah dikuarantin untuk menjalani rawatan.
- g. Daripada 335 kes baharu hari ini, 330 kes adalah dalam Kategori 1 dan 2, tiga (3) kes dalam Kategori 3, masing-masing satu (1) kes dalam Kategori 4 dan Kategori 5.
- h. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (159) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| Bil. | Kategori Saringan | Bilangan Kes | Peratusan |
|---------------|--------------------|--------------|-------------|
| 1 | Kluster | 49 | 14.63% |
| 2 | Kontak | 159 | 47.46% |
| 3 | Bergejala | 112 | 33.43% |
| 4 | Bersasar | 0 | 0.00% |
| 5 | Lain-lain Saringan | 15 | 4.47% |
| JUMLAH | | 335 | 100% |

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (25 Januari 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

| Bil. | Daerah | Catatan Kes 25/01/2022 | Catatan Kes 26/01/2022 | Perbandingan |
|---------------|---------------|---------------------------|---------------------------|--------------|
| 1 | Kota Marudu | 15 | 64 | +49 |
| 2 | Penampang | 16 | 41 | +25 |
| 3 | Ranau | 7 | 22 | +15 |
| 4 | Keningau | 3 | 13 | +10 |
| 5 | Kota Belud | 5 | 12 | +7 |
| 6 | Tuaran | 34 | 40 | +6 |
| 7 | Beluran | 2 | 6 | +4 |
| 8 | Kuala Penyu | 0 | 3 | +3 |
| 3 | Putatan | 7 | 8 | +1 |
| 10 | Tenom | 2 | 3 | +1 |
| 11 | Papar | 15 | 15 | Mendatar |
| 12 | Kinabatangan | 2 | 2 | Mendatar |
| 13 | Telupid | 1 | 1 | Mendatar |
| 14 | Nabawan | 0 | 0 | Mendatar |
| 15 | Kalabakan | 0 | 0 | Mendatar |
| 16 | Semporna | 0 | 0 | Mendatar |
| 17 | Sandakan | 68 | 34 | -34 |
| 18 | Beaufort | 39 | 14 | -25 |
| 19 | Kota Kinabalu | 61 | 40 | -21 |
| 20 | Lahad Datu | 11 | 2 | -9 |
| 21 | Tawau | 16 | 13 | -3 |
| 22 | Kunak | 3 | 1 | -2 |
| 23 | Tambunan | 2 | 0 | -2 |
| 24 | Pitas | 2 | 1 | -1 |
| 25 | Kudat | 1 | 0 | -1 |
| 26 | Tongod | 1 | 0 | -1 |
| 27 | Sipitang | 1 | 0 | -1 |
| JUMLAH | | 314 | 335 | +21 |

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| Daerah | Kategori Kes | | | | | Bilangan Kes Baharu | Kes Terkumpul 14 Hari (12 Januari – 25 Januari) |
|---------------|------------------|-----------------|--------------------|-------------------|--------------------|---------------------|---|
| | Saringan Kluster | Saringan Kontak | Saringan Bergejala | Saringan Bersasar | Lain-lain Saringan | | |
| Kota Marudu | 38 | 21 | 5 | 0 | 0 | 64 | 170 |
| Penampang | 0 | 29 | 11 | 0 | 1 | 41 | 319 |
| Kota Kinabalu | 0 | 26 | 14 | 0 | 0 | 40 | 602 |
| Tuaran | 0 | 33 | 4 | 0 | 3 | 40 | 330 |
| Sandakan | 3 | 10 | 20 | 0 | 1 | 34 | 308 |
| Ranau | 1 | 8 | 13 | 0 | 0 | 22 | 190 |
| Papar | 2 | 5 | 7 | 0 | 1 | 15 | 201 |
| Beaufort | 5 | 0 | 9 | 0 | 0 | 14 | 145 |
| Tawau | 0 | 0 | 8 | 0 | 5 | 13 | 98 |
| Keningau | 0 | 10 | 2 | 0 | 1 | 13 | 106 |
| Kota Belud | 0 | 5 | 6 | 0 | 1 | 12 | 109 |
| Putatan | 0 | 3 | 5 | 0 | 0 | 8 | 123 |
| Beluran | 0 | 6 | 0 | 0 | 0 | 6 | 32 |
| Tenom | 0 | 1 | 2 | 0 | 0 | 3 | 56 |
| Kuala Penyu | 0 | 0 | 3 | 0 | 0 | 3 | 54 |
| Lahad Datu | 0 | 0 | 2 | 0 | 0 | 2 | 36 |
| Kinabatangan | 0 | 1 | 0 | 0 | 1 | 2 | 67 |
| Kunak | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 1 | 9 |
| Pitas | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 1 | 13 |
| Telupid | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 1 | 13 |
| Tambunan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 74 |
| Sipitang | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 38 |
| Kudat | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 13 |
| Tongod | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 9 |
| Semporna | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 6 |
| Kalabakan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 4 |
| Nabawan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 4 |
| JUMLAH | 49 | 159 | 112 | 0 | 15 | 335 | 3,129 |

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| Daerah | Nama Kluster | Jumlah Kes Baharu |
|---------------|------------------------------|-------------------|
| Ranau | Kluster Jalan Bypass Kologon | 1 |
| Sandakan | Kluster Jalan Pertukangan | 3 |
| Kota Marudu | Kluster Jalan Teritipan | 38 |
| Papar | Kluster Jalan Binunuk | 2 |
| | Kluster Montenior | 4 |
| Beaufort | Kluster Jalan Binunuk | 1 |
| Jumlah | | 49 |

6 Terdapat **tiga (3) kluster baharu** direkodkan hari ini.

i **Kluster Jalan Binunuk - Beaufort, Papar** adalah kluster jenis tempat kerja iaitu pejabat RISDA Beaufort. Kes indeks merupakan wanita tempatan, 34, yang tinggal di daerah Papar dan kakitangan RISDA Beaufort yang disahkan positif melalui ujian RTK Ag pada 22 Januari 2022, selepas bergejala sejak 18 Januari 2022. Saringan yang dijalankan terhadap 31 kontak rapat dan ahli keluarga kakitangan berjaya mengesan 13 lagi kes positif menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 14 kes, termasuk tiga (3) kes baharu pada hari ini. Penularan jangkitan dipercayai berpunca daripada aktiviti mesyuarat yang dihadiri dalam jumlah yang ramai dalam fasiliti yang sama. Fasiliti tersebut telah ditutup sementara untuk disinfeksi dan semua pesakit dan kontak rapat telah dikuarantin dan diberi rawatan yang sesuai.

- ii **Kluster Montenior - Beaufort, Kuala Penyu** adalah kluster jenis berisiko tinggi melibatkan daerah Beaufort dan juga terdapat kes yang tinggal di Kuala Penyu. Kluster ini melibatkan sebuah hospital di Beaufort, klinik kerajaan di daerah Beaufort serta Kg Labak. Kluster ini mula dikesan apabila kes indeks, petugas kesihatan wanita, 37, disahkan positif melalui ujian RTK Ag pada 12 Januari 2022 setelah bergejala sejak 11 Januari 2022. Hasil saringan 83 kontak rapat mendapati jumlah kumulatif sebanyak 43 kes iaitu 24 kes positif daripada kontak generasi pertama, 17 orang daripada kontak generasi kedua dan dua (2) daripada kontak generasi ketiga yang terdiri daripada kakitangan kesihatan Hospital Beaufort dan Klinik di daerah Beaufort, pesakit, pengiring pesakit serta ahli keluarga kakitangan kesihatan. Jumlah kumulatif Penularan jangkitan dipercayai berpunca daripada aktiviti luar pejabat sesama kakitangan. Semua kes telah dikuarantin dan diberikan rawatan yang sesuai.
- iii **Kluster Jalan Teritipan - Kota Marudu** melibatkan para pelajar SMK Tandek 2 yang terletak di daerah Kota Marudu dan dikategorikan sebagai kluster institusi pendidikan. Kes indeks adalah pelajar Tingkatan 4 yang mula bergejala pada 20 Januari 2022, kemudian menjalani saringan kendiri pada 22 Januari 2022 dan didapati positif COVID-19. Kes indeks yang menjalani ujian pengesahan dan disaring pada 23 Januari 2022, disahkan positif RT-PCR dengan CT Value 15.99. Saringan terhadap 90 kontak rapat di SMK Tandek 2 mendapati 37 lagi kes positif menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 44 kes termasuk 38 kes baharu dilaporkan pada hari ini. Semua kes adalah terdiri daripada pelajar dan bergejala ringan (Kategori 1 dan 2) dan telah diasing serta diberikan rawatan yang selanjutnya.
- 7 Jumlah kapasiti katil 3,764 unit
- Hospital 1,167 unit.
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,407 unit.
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
 - Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 18.12%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 26 JANUARI 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

| Import/Tempatan | |
|------------------------------------|------------|
| Tempatan | 331 |
| Import A (Jangkitan Luar Malaysia) | 0 |
| Import B (Jangkitan Luar Sabah) | 1 |
| Orang Dalam Tahanan /Banduan | 3 |
| Jumlah | 335 |

| Import B (Jangkitan Luar Sabah) | |
|---------------------------------|----------|
| WP Kuala Lumpur | 1 |
| Jumlah | 1 |

ii. Kewarganegaraan

| Kewarganegaraan | |
|-----------------|------------|
| Malaysia | 324 |
| Bukan Malaysia | 11 |
| Jumlah | 335 |

iii. Status Vaksinasi

| Status Vaksinasi | |
|-------------------------------|------------|
| Belum Layak Vaksin (Bawah 12) | 47 |
| Belum Menerima Vaksin | 36 |
| Menerima 1 Dos | 0 |
| Lengkap 2 Dos | 212 |
| Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak | 40 |
| Jumlah | 335 |

iv. Umur

| Umur (Tahun) | |
|---------------|------------|
| <1 | 3 |
| 1 to 5 | 9 |
| 6 to 11 | 35 |
| 12 to 17 | 48 |
| 18 to 25 | 71 |
| 26 to 59 | 154 |
| >60 | 15 |
| Jumlah | 335 |

**C SOP RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 4
KEMUDAHAN PENERIMA LENGKAP DIVAKSIN BERMULA 27 JANUARI 2022**

SOP rumah ibadat bukan Islam Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 4 kemudahan penerima lengkap divaksin bermula 27 Januari 2022 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

D SOP SAMBUTAN PERAYAAN TAHUN BAHARU CINA DAN SOP RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM, SAMBUTAN PERAYAAN TAHUN BAHARU CINA 31 JANUARI 2022 HINGGA 15 FEBRUARI 2022 PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 4

SOP sambutan perayaan Tahun Baharu Cina dan SOP rumah ibadat bukan Islam, sambutan perayaan Tahun Baharu Cina 31 Januari 2022 hingga 15 Februari 2022 Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 4 adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

E STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 25 Januari 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 6,692 orang. Daripada jumlah ini, seramai 6,630 orang adalah penduduk dewasa dan 62 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 25 Januari 2022 adalah seramai 2,453,827 orang. Ini meliputi 2,116,620 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.73% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,409,785 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,097,110 orang atau 76.03% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 337,207 orang atau 77.70% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 312,675 atau 72.04% orang setakat ini.

F BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **680,016** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

G LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 8,612 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 38 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Tiada kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 259 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 55 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan dua (2) tangkapan dibuat iaitu satu (1) tangkapan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 dan satu (1) lagi di bawah Akta JPDS 2002.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 1,076 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
 - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 552 premis perniagaan dan 754 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.

- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 286 Premis Perniagaan melibatkan 151 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan tiga (3) anggota di tiga (3) lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di empat (4) premis, melibatkan tiga (3) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 66 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tiga (3) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 109 hebahan di seluruh Sabah.

H KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.2%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

| BIL | DAERAH | PERATUS |
|-----|---------------|---------|
| 1 | Beluran | 98.7% |
| 2 | Kunak | 98.7% |
| 3 | Kinabatangan | 98.5% |
| 4 | Kudat | 98.5% |
| 5 | Semporna | 98.4% |
| 6 | Beaufort | 98.3% |
| 7 | Papar | 98.3% |
| 8 | Kota Kinabalu | 98.3% |
| 9 | Lahad Datu | 98.3% |
| 10 | Kota Marudu | 98.2% |
| 11 | Sandakan | 98.2% |
| 12 | Tenom | 98.2% |
| 13 | Keningau | 98.1% |
| 14 | Sipitang | 98.1% |
| 15 | Kota Belud | 98.1% |
| 16 | Penampang | 98% |
| 17 | Ranau | 98% |
| 18 | Tuaran | 98% |
| 19 | Tawau | 98% |

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II

LAMPIRAN A

| KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT | | | | |
|--|--|--|--|--|
| SOP RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 4) KEMUDAHAN PENERIMA LENGKAP DIVAKSIN BERMULA 27/01/2022 | | | | |
| AKTIVITI | TEMPOH OPERASI DAN KAPASITI | PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN | | AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN |
| | | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS | |
| PERATURAN SEMASA TIBA DI RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM Semasa ketibaan di Rumah Ibadat Bukan Islam sebelum upacara sembahyang. | 6.00 pagi - 10.00 malam Terhad kepada kapasiti ruang Rumah Ibadat Bukan Islam dengan mengambil kira penjaraikan fizikal 1 meter | <p>Ahli Jawatankuasa Pengurusan (AJKP) menyediakan aplikasi MySejahtera atau buku log kehadiran</p> <p>AJKP merekodkan kehadiran menggunakan aplikasi MySejahtera atau buku log kehadiran</p> <p>AJKP menyediakan kaunter di pintu masuk bagi memeriksa suhu badan, menggunakan hand sanitizer dan rekod kehadiran penganut</p> <p>Diwajibkan memakai pelitup muka sepanjang masa dan kerap membersihkan tangan dengan hand sanitizer atau sabun dan air (jika ada disediakan)</p> <p>AJKP dan penganut yang telah lengkap divaksin sahaja dibenarkan</p> <p>AJKP WAJIB pamer notis tentang perlunya membawa peralatan sembahyang sendiri</p> <p>AJKP perlu melakukan sanitasi 30 minit selepas setiap sesi sembahyang</p> <p>Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun hanya dibenarkan hadir tertakluk kepada ibu bapa mereka lengkap divaksin.</p> | <p>AJKP dan penganut yang menghidap penyakit kronik tidak dibenarkan hadir</p> <p>AJKP dan penganut DIWAJIBKAN membawa peralatan sembahyang sendiri</p> <p>AJKP perlu melakukan pembersihan dan sanitasi rumah ibadat 30 minit selepas setiap sesi sembahyang</p> <p>AJKP hendaklah memastikan penganut telah lengkap divaksin dengan membenarkan kanak-kanak mereka ikut hadir.</p> | <p>AJKP dan penganut bersalamans dan berpelukan di rumah Ibadat Bukan Islam</p> <p>AJKP dan penganut yang belum lengkap divaksin</p> <p>AJKP dan penganut yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas</p> <p>Upacara atau perarakan keagamaan atau aktiviti yang melibatkan sentuhan</p> <p>Perkongsian peralatan sembahyang oleh AJKP dan penganut.</p> |

Tarikh dikemaskini: 26 Januari 2022



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

SOP RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 4) KEMUDAHAN PENERIMA LENGKAP DIVAKSIN BERMULA 27/01/2022

| AKTIVITI | TEMPOH OPERASI DAN KAPASITI | PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN | | AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN |
|---|--|--|---|---|
| | | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS | |
| PERATURAN SEMASA BERADA DI DALAM RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM Penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan (AJKP) semasa berada di dalam Rumah Ibadat Bukan Islam. | 6.00 pagi - 10.00 malam Terhad kepada kapasiti ruang Rumah Ibadat Bukan Islam dengan mengambil kira penjaraikan fizikal 1 meter | Mewajibkan pemakaian pelitup muka sepanjang masa Mewajibkan penjaraikan fizikal 1 meter Kerap mencuci tangan atau menggunakan hand sanitizer Tidak dibenarkan berkongsi peralatan sembahyang Penggunaan tandas oleh penganut mengikut giliran Aktiviti keagamaan dibenarkan. | Pematuhan SOP diwajibkan Penggunaan tandas perlu dihadkan mengikut jumlah bilik tandas yang ada pada satu-satu masa. | Aktiviti berkumpulan penganut di dalam rumah ibadat bukan Islam Bersalaman dan berpelukan di dalam rumah ibadat bukan Islam Berkongsi peralatan dan bahan sembahyang. |

Tarikh dikemaskini: 26 Januari 2022



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

SOP RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 4) KEMUDAHAN PENERIMA LENGKAP DIVAKSIN BERMULA 27/01/2022

| AKTIVITI | TEMPOH OPERASI DAN KAPASITI | PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN | | AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN |
|---|---|---|--|---|
| | | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS | |
| PERATURAN KELUAR BANGUNAN RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM Semasa keluar bangunan Rumah Ibadat Bukan Islam | 6.00 pagi - 10.00 malam Terhad kepada kapasiti ruang Rumah Ibadat Bukan Islam dengan mengambil kira penjarakan fizikal 1 meter | Mewajibkan pemakaian pelitup muka sepanjang masa Mewajibkan penjarakan fizikal 1 meter Cara keluar rumah ibadat mestilah tertib dan mengikut penjarakan fizikal 1 meter Ahli Jawatankuasa Pengurusan (AJKP) perlu memastikan penganut telah beredar selepas sembahyang AJKP perlu melakukan pembersihan ruang dan kawasan sekitarnya termasuk tandas dan semua ruang sebaik sahaja acara keagamaan serta melakukan kerja-kerja sanitasi sebelum sesi sembahyang seterusnya Sebarang pemberian makanan adalah secara berbungkus (<i>packed food</i>). | Pematuhan SOP diwajibkan. AJKP perlu bersurau dalam keadaan tertib. | Kehadiran penganut dan AJKP berkumpul, berhimpun, bersalaman dan berpelukan di dalam dan di luar Rumah Ibadat Bukan Islam AJKP dan penganut yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas AJKP memastikan penganut tidak makan di dalam atau di luar bangunan Rumah Ibadat Bukan Islam. |

Tarikh dikemaskini: 26 Januari 2022

LAMPIRAN B

| KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT | | |
|---|--|--|
| SOP SAMBUTAN PERAYAAN TAHUN BAHARU CINA (31/01/2022 HINGGA 15/02/2022) (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 4) KEMUDAHAN PENERIMA LENGKAP DIVAKSIN | | |
| BIL | AKTIVITI | PERKARA |
| 31 JANUARI 2022 (ISNIN) | | |
| 1 | Makan besar keluarga (<i>Family Reunion Dinner</i>). | DIBENARKAN. |
| 01 FEBRUARI 2022 (SELASA) DAN 02 FEBRUARI 2022 (RABU) | | |
| 2 | Upacara sembahyang. | DIBENARKAN dengan SOP seperti dalam Lampiran 1 |
| 08 FEBRUARI 2022 (SELASA) DAN 09 FEBRUARI 2022 (RABU) (Sembahyang khas Hokkien Clan) | | |
| 3 | Sembahyang Khas Hokkien Clan | <ol style="list-style-type: none">DIBENARKAN di rumah ibadat bukan Islam dengan SOP seperti dalam Lampiran 1DIBENARKAN di halaman rumah pada waktu malam mengikut tradisi masing-masing |
| 15 FEBRUARI 2022 (SELASA) | | |
| 4 | Sembahyang Chap Goh Mei | DIBENARKAN dengan SOP seperti dalam Lampiran 1 |

Tarikh dikemaskini: 26 Januari 2022



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

SOP SAMBUTAN PERAYAAN TAHUN BAHARU CINA (31/01/2022 HINGGA 15/02/2022) (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 4)
KEMUDAHAN PENERIMA LENGKAP DIVAKSIN

AKTIVITI ZIARAH

| BIL | AKTIVITI | PERKARA |
|---|--|---|
| 31 JANUARI 2022 HINGGA 15 FEBRUARI 2022 | | |
| 1 | Aktiviti kunjung-mengunjungi. | DIBENARKAN. |
| 2 | Resepsi Tahun Baharu Cina (<i>Chinese New Year Reception</i>) | <ol style="list-style-type: none">DIBENARKAN dengan jemputan sahaja.Ketua Rumah menyediakan aplikasi MySejahtera atau buku log kehadiran.Ketua Rumah merekodkan kehadiran menggunakan aplikasi MySejahtera atau buku log kehadiran.Rumah terbuka TIDAK DIBENARKAN.Kehadiran jemputan 50% kapasiti ruang dengan penjarakan fizikal 1 meter.Orang awam tanpa jemputan TIDAK DIBENARKAN hadir. |

Tarikh dikemaskini: 26 Januari 2022



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

SOP SAMBUTAN PERAYAAN TAHUN BAHARU CINA (31/01/2022 HINGGA 15/02/2022) (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 4)
KEMUDAHAN PENERIMA LENGKAP DIVAKSIN

PERSEMBAHAN TARIAN NAGA / UNICORN / SINGA / HARIMAU

| AKTIVITI | PERKARA |
|---|--|
| 31 JANUARI 2022 HINGGA 15 FEBRUARI 2022 | |
| Persembahan Tarian Naga / <i>Unicorn</i> / Singa / Harimau | DIBENARKAN dengan syarat-syarat seperti berikut: <ol style="list-style-type: none">1. Kumpulan pemain persembahan Tarian Naga / <i>Unicorn</i> / Singa / Harimau telah lengkap divaksin.2. Kanak-kanak dibawah umur 12 tahun TIDAK DIBENARKAN ikut sama dalam persembahan.3. Penjarakan fizikal 1 meter perlu dipatuhi.4. Pemakaian pelitup muka diwajibkan.5. Pergerakan kumpulan persembahan sepanjang tempoh sambutan Perayaan Tahun Baharu Cina tertakluk kepada kebenaran pihak polis. |

Tarikh dikemaskini: 26 Januari 2022



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

SOP RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 4)
 SAMBUTAN PERAYAAN TAHUN BAHARU CINA BERMULA 31/01/2022 HINGGA 15/02/2022
 KEMUDAHAN PENERIMA LENGKAP DIVAKSIN

| AKTIVITI | TEMPOH OPERASI DAN KAPASITI | PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN | | AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN |
|---|--|---|---|--|
| | | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS | |
| PERATURAN SEMASA TIBA DI RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM Semasa ketibaan di Rumah Ibadat Bukan Islam sebelum upacara sembahyang. | 6.00 pagi – 10.00 malam Tempoh masa sembahyang tidak melebihi 2 jam dan diselangi dengan kerja-kerja sanitasi dalam tempoh 30 minit sebelum waktu sembahyang dimulakan atau sesi berikutnya Terhad kepada kapasiti ruang Rumah Ibadat Bukan Islam dengan mengambil kira penjarakan fizikal 1 meter | <p>Ahli Jawatankuasa Pengurusan (AJKP) menyediakan aplikasi MySejahtera atau buku log kehadiran</p> <p>AJKP merekodkan kehadiran menggunakan aplikasi MySejahtera atau buku log kehadiran</p> <p>AJKP menyediakan kaunter di pintu masuk bagi memeriksa suhu badan, menggunakan hand sanitizer dan rekod kehadiran penganut</p> <p>Diwajibkan memakai pelitup muka sepanjang masa dan kerap membersihkan tangan dengan hand sanitizer atau sabun dan air (jika ada disediakan)</p> <p>AJKP dan penganut yang telah lengkap divaksin sahaja dibenarkan</p> <p>AJKP WAJIB pamer notis tentang perlunya membawa peralatan sembahyang sendiri</p> <p>Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun hanya dibenarkan hadir tertakluk kepada ibu bapa mereka lengkap divaksin.</p> | <p>AJKP dan penganut yang menghidap penyakit kronik tidak dibenarkan hadir</p> <p>AJKP dan penganut DIWAJIBKAN membawa peralatan sembahyang sendiri</p> <p>AJKP perlu melakukan pembersihan dan sanitasi rumah ibadat selepas setiap sesi sembahyang</p> <p>AJKP hendaklah memastikan penganut telah lengkap divaksin dengan membenarkan kanak-kanak mereka ikut hadir.</p> | <p>AJKP dan penganut bersalaman dan berpelukan di rumah Ibadat Bukan Islam</p> <p>AJKP dan penganut yang belum lengkap divaksin</p> <p>AJKP dan penganut yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas</p> <p>Upacara atau perarakian keagamaan atau aktiviti yang melibatkan sentuhan</p> <p>Perkongsian peralatan sembahyang oleh AJKP dan penganut.</p> |

Tarikh dikemaskini: 26 Januari 2022



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

SOP RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 4)
 SAMBUTAN PERAYAAN TAHUN BAHARU CINA BERMULA 31/01/2022 HINGGA 15/02/2022
 KEMUDAHAN PENERIMA LENGKAP DIVAKSIN

| AKTIVITI | TEMPOH OPERASI DAN KAPASITI | PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN | | AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN |
|---|---|---|---|---|
| | | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS | |
| PERATURAN SEMASA BERADA DI DALAM RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM Penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan (AJKP) semasa berada di dalam Rumah Ibadat Bukan Islam. | 6.00 pagi - 10.00 malam Tempoh masa sembahyang tidak melebihi 2 jam dan diselangi dengan kerja-kerja sanitasi dalam tempoh 30 minit sebelum waktu sembahyang dimulakan atau sesi berikutnya Terhad kepada kapasiti ruang Rumah Ibadat Bukan Islam dengan mengambil kira penjarakan fizikal 1 meter | Mewajibkan pemakaian pelitup muka sepanjang masa Mewajibkan penjarakan fizikal 1 meter Kerap mencuci tangan atau menggunakan hand sanitizer Tidak dibenarkan berkongsi peralatan sembahyang Aktiviti keagamaan dibenarkan. | Pematuhan SOP diwajibkan Penggunaan tandas perlu dihadkan mengikut jumlah bilik tandas yang ada pada satu-satu masa. | Aktiviti berkumpulan penganut di dalam rumah ibadat bukan Islam Bersalaman dan berpelukan di dalam rumah ibadat bukan Islam Berkongsi peralatan dan bahan sembahyang. |

Tarikh dikemaskini: 26 Januari 2022



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

SOP RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 4)
 SAMBUTAN PERAYAAN TAHUN BAHARU CINA BERMULA 31/01/2022 HINGGA 15/02/2022
 KEMUDAHAN PENERIMA LENGKAP DIVAKSIN

| AKTIVITI | TEMPOH OPERASI DAN KAPASITI | PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN | | AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN |
|--|---|--|---|---|
| | | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS | |
| PERATURAN KELUAR BANGUNAN RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM Semasa keluar bangunan Rumah Ibadat Bukan Islam | 6.00 pagi - 10.00 malam Tempoh masa sembahyang tidak melebihi 2 jam dan diselangi dengan kerja-kerja sanitasi dalam tempoh 30 minit sebelum waktu sembahyang dimulakan atau sesi berikutnya Terhad kepada kapasiti ruang Rumah Ibadat Bukan Islam dengan mengambil kira penjarakan fizikal 1 meter | <p>Mewajibkan pemakaian pelitup muka sepanjang masa</p> <p>Mewajibkan penjarakan fizikal 1 meter</p> <p>Cara keluar rumah ibadat mestilah tertib dan mengikut penjarakan fizikal 1 meter</p> <p>Ahli Jawatankuasa Pengurusan (AJKP) perlu memastikan penganut telah beredar selepas sembahyang</p> <p>AJKP perlu melakukan pembersihan ruang dan kawasan sekitarnya termasuk tandas dan semua ruang sebaik sahaja acara keagamaan serta melakukan kerja-kerja sanitasi sebelum sesi sembahyang seterusnya</p> <p>Sebarang pemberian makanan adalah secara berbungkus (<i>packed food</i>).</p> | <p>Pematuhan SOP diwajibkan.</p> <p>AJKP perlu bersurau dalam keadaan tertib.</p> | <p>Kehadiran penganut dan AJKP berkumpul, berhimpun, bersalaman dan berpelukan di dalam dan di luar Rumah Ibadat Bukan Islam</p> <p>AJKP dan penganut yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (derajah Celsius) dan ke atas</p> <p>AJKP memastikan penganut tidak makan di dalam atau di luar bangunan Rumah Ibadat Bukan Islam.</p> |

Tarikh dikemaskini: 26 Januari 2022